

Ajensi2 kerajaan beri faedah keseluruhan masyarakat: Dr. M



DATO SERI DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Rabu — Ajensi-ajensi Kerajaan dikan ditubuhkan untuk kepentingan sesuatu kaum sebaliknya untuk memberi faedah kepada keseluruhan masyarakat, demikian Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan di Dewan Rakyat hari ini.

Sewaktu menjawab pertanyaan Enik Chan Teck Chan (DAP - Kota Melak), Timbalan Perdana Menteri menyatakan ajensi-ajensi Kerajaan di tubuhkan untuk menjalankan Dasar Ekonomi Baru dalam p e m b a n a n k e m i s i k a n t a n p a

mengira kaum dan dalam penyusunan semula masyarakat.

Enik Chan menyatakan dalam soalan beliau yang ajensi-ajeni Kerajaan ditubuhkan untuk membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan orang-orang Melayu dan Bumiputera.

Dato Seri Dr. Mahathir juga menyatakan bahawa ajensi-ajensi Kerajaan mengadakan program-program bagi menggalakkan golongan Bumiputera menubuhkan diri di bidang ekonomi dan perdagangan.

Katanya lagi, per-

undangan kepada ajensi-ajeni tersebut adalah menyeluruh dan bukan semata-mata untuk membentuk masyarakat perdagangan di kalangan orang Melayu dan Bumiputera.

Faedah

Kepada satu soalan lain oleh Datuk Stephen Evans (BN - Keningau), Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan rancangan pembangunan ekonomi negara juga tidak dirangkaan berasaskan untuk faedah satu-satu kaum tertentu.

Katanya, rancangan pembangunan adalah untuk memperbaiki golongan yang miskin dan

mundur, tanpa mengira kaum.

Datuk Evans bertanya sama ada Kerajaan sedar tentang keadaan buruk dari segi ekonomi kaum Murut di Sabah.

"Dalam rangka mengadakan rancangan untuk menghapuskan kemiskinan, kaum Murut yang termasuk dalam golongan miskin turut mendapat faedah ini," kata Dato Seri Dr. Mahathir lagi.

Dilakukan

Di antara langkah-langkah yang diambil untuk tujuan ini di Sabah termasuk penempatan semula petani-petani dalam rancangan tanah baru, pemuliharaan tanah baru, pemuliharaan tanah melalui koperasi pembangunan desa dan pelancaran rancangan ekonomi rakyat.

Rancangan pembangunan di Sabah juga meliputi penyediaan kemudahan latihan kepada belia-belia mengenai cara pertanian moden serta meluaskan skim kredit luar bandar kepada pekebun-pekebun kecil.

Di samping itu, tegas Dato Seri Dr. Mahathir, Kerajaan juga memberi kemudahan pelajaran dan perubahan yang lebih baik untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat Sabah dan

kedudukan ekonomi mereka.

"Segala tenaga dan usaha sedang dilakukan oleh pentadbiran khususnya Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan proses pembangunan kawasan-kawasan pendidikan Sabah.

"Dalam hubungan ini adalah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telahpun melancarkan seorang pegawai kanan untuk menyelaraskan program tersebut untuk mencapai tujuan yang diharapkan," tambah beliau.

Dato Seri Dr. Mahathir kemudiannya menafikan bahawa pegawai Kerajaan di Sabah mempunyai aikap acuh tak acuh dan menganggap lambat-lambatkan kerja di sebuah Jabatan Kerajaan di Sabah.

Sewaktu menjawab satu pertanyaan lain Datuk Pans, beliau menyatakan Jabatan Penilaian Kota Kinabalu kini menghadapi kekurangan kakitangan teknikal dan seorang pegawai penilaian dari Semenanjung telahpun dihantar ke sana.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Ser 1450
No. Pn 112/80